

KEMAHIRAN PENYELESAIAN MASALAH DALAM KALANGAN SISWA GURU, IPG KAMPUS ILMU KHAS

Ahmad Subki bin Miskon
Syed Ismail bin Syed Mustapa, PhD
Ismail bin Raduan, PhD
Noor Fitriyati binti Abdul Samad
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur.
ahmad_subki@ipgkik.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran penyelesaian masalah siswa guru yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP), di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Peserta kajian terdiri daripada 114 orang siswa guru iaitu 73 orang siswa guru Semester 4 dan 41 orang siswa guru Semester 7 yang mengikuti pengajian dalam bidang pengkhususan Pendidikan Khas (Masalah Penglihatan), Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran), Pendidikan Muzik, dan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kajian tinjauan sebagai reka bentuknya. Data dipungut dengan menggunakan soal selidik lima skala (1-STS, 2-TS, 3-KS, 4-S, 5-SS). Empat kemahiran dalam penyelesaian masalah telah diuji iaitu mengenal pasti masalah, merancang strategi, melaksanakan strategi dan menyemak semula penyelesaian. Data dianalisis secara deskriptif dan inferen. Analisis deskriptif diperoleh berdasarkan nilai min, nilai peratus, dan sisihan piawai. Analisis inferen menggunakan ujian-t dan Analysis of Varian (ANOVA) untuk melihat perbezaan mengikut jantina dan pengkhususan. Dapatan kajian menunjukkan kemahiran penyelesaian masalah siswa guru berada pada tahap sederhana tinggi. Kesemua kemahiran penyelesaian iaitu aspek memahami masalah, merancang strategi, melaksanakan strategi dan menyemak semula juga berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan juga menunjukkan faktor jantina ($p=0.950>0.05$, $df=112$), tidak memberi kesan tetapi faktor tahun pengajian berdasarkan semester pengajian ($p=0.002<0.05$, $df=112$) memberi kesan kepada tahap penguasaan kemahiran penyelesaian masalah. Pengkaji mencadangkan agar siswa guru mempertingkatkan kemahiran penyelesaian masalah dengan menggunakan langkah-langkah penyelesaian masalah yang disyorkan.

Kata Kunci: siswa guru; kemahiran insaniah; kemahiran penyelesaian masalah, memahami masalah, merancang strategi, melaksanakan strategi, dan menyemak semula.

Kertas ini telah dibentangkan dalam *International Conference on Elementary Education "The Influxion of 21st Century Skills on Elementary Education"* anjuran Universitas Pendidikan Indonesia, Bandung pada 19-20 September 2018.